

Aktiviti cegah denggi

Siner Harian 22/06/2010



MIS S 22

■ Antara komuniti bersama Pejabat Kesihatan yang terlibat dalam gotong-royong yang dianjurkan.

BETING KEPAH – Semangat gotong-royong yang semakin lama dilupakan perlu dihidupkan semula terutama dalam aspek kebersihan dalam usaha mencegah wabak denggi.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Sungai Apong, Mohd Asarani Mohd Rasikin berkata, semangat gotong-royong dan mengambil berat terhadap tahap kebersihan penting dalam sesebuah kawasan penempatan.

“Jika kita kurang mengambil berat terhadap kawasan penempatan, tentunya

sukar untuk kita melihat apakah aktiviti yang dapat dilakukan bagi mencegah pembiakan nyamuk Aedes.

“Oleh itu, semangat gotong-royong ini adalah satu cara untuk menyemai semangat menjaga kebersihan dalam kalangan komuniti setempat,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada program Gotong-Royong Mencegah Denggi JKKK Sungai Apong bersama Pejabat Kesihatan Daerah Sabak Bernam di Desa Kasih Beting Kepah, di sini.

Hadir sama, Pengarah

Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) Kawasan Sungai Air Tawar, Zamri Yahya.

Sementara itu Zamri berkata, semangat menjaga kebersihan perlu diteruskan dari masa ke masa dan bukan setakat mengikuti gotong-royong yang diadakan sahaja.

“Bukan dalam aktiviti gotong-royong ini sahaja kita membersihkan kawasan. Sebaliknya berterusan dan jangan pula kita yang mewujudkan tempat pembiakan nyamuk. Jika tidak mahu sakit, jaga kebersihan dan jangan biarkan denggi berulang lagi di sini,” katanya.

Dalam pada itu, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Penduduk Desa Kasih, Abdul Razak Bakri berkata, sebanyak dua kes denggi berlaku pada tahun lalu dan satu kes pada 2010.

“Oleh itu, melalui gotong-royong ini kita mahu memupuk kesedaran dalam kalangan penduduk untuk menjaga kebersihan dan menghapuskan tempat pembiakan nyamuk.

“Kita harap selepas program ini, dengan kesedaran yang ada, tiada lagi penduduk di sini dijangkiti demam denggi,” katanya.

Tunjuk minat



Penduduk menunjukkan minat terhadap risalah kebersihan yang diedarkan Pejabat Kesihatan Daerah Sabak Bernam, sebelum gotong royong memusnahkan pembiakan jentik-jentik, diadakan di Beting Kepah. Risalah yang diedarkan sedikit sebanyak memberi pengetahuan kepada penduduk menangani masalah pembiakan nyamuk Aedes.